

# Hurma rekaan Hanisah harumkan USIM di NRIC 2015

**NILAI** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakar kejayaan manis apabila penuntutnya, Hanisah Hassan (**gambar kecil**), 24, diumumkan sebagai pemenang Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan 2015 (NRIC '15) di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Hanisah yang merupakan penuntut tahun akhir Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM mempertandingkan produk yang diberi nama Hurma iaitu pakaian hospital untuk pesakit bagi kategori Sains Perubatan dan Kesihatan.

"Sebagai pelajar perubatan yang banyak menjalankan kerja klinikal di hospital, saya menerima banyak aduan dan rungutan berkenaan pakaian hospital yang singkat serta tidak menutup aurat.

"Terutama sekali apabila doktor yang akan menjalankan pemeriksaan terpaksa membuka bahagian anggota yang tidak dirawat bagi melakukan rawatan berikutan pakaian yang tidak mesra pengguna,"

katanya di sini semalam.

Kemenangan itu membolehkan beliau membawa pulang piala, sijil dan wang tunai RM5,000 yang disampaikan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Prof. Datuk Dr. Omar Osman.

Hanisah turut memenangi anugerah pingat emas dan penyampai terbaik dalam pertandingan tersebut.

Hurma merupakan pakaian yang mesra pengguna di mana selain bahagian lengan yang panjang dan dilengkapi penutup kepala, setiap bahagian anggota badan juga dilengkapi dengan butang seperti pada bahagian tangan, perut, dada, belakang badan, kaki dan alat sulit.

Sebelum ini produk Hurma turut tersenarai pada Anugerah Inovasi Negara iaitu antara 10 produk terbaik dari 280 penyertaan bagi kategori Akar Umbi yang berlangsung pada Anugerah Inovasi Negara 2015 (NICE) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada Mei lalu.



HANISAH (kiri) menunjukkan pakaian Hurma rekaannya kepada Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (kanan) semasa pameran inovasi di kampus USIM di Nilai baru-baru ini.